



PEMBERITAHUAN

ARAHAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR BERHUBUNG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERIKUTAN PENULARAN JANGKITAN PENYAKIT *CORONAVIRUS* (COVID-19) DI PERLIS


Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19, Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Selaras dengan Perutusan Khas tersebut, Majlis Perbandaran Kangar dengan ini memperkasakan Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 bagi mencegah penularan COVID-19 di Negeri Perlis.

Langkah-langkah yang diambil oleh MPKangar bagi memperkasakan Perintah Kawalan Pergerakan adalah seperti berikut:

1) **PENUTUPAN KEMUDAHAN AWAM DAN TAMAN REKREASI**

Semua kemudahan awam dan taman rekreasi di bawah seliaan Majlis Perbandaran Kangar ditutup sementara mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Senarai kemudahan awam dan taman rekreasi yang ditutup adalah seperti berikut:

- (i) Padang Majlis Perbandaran Kangar
- (ii) Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar



- (iii) Padang Woodball, Kangar
- (iv) Taman Merdeka, Kangar
- (v) Taman Poket, Kangar
- (vi) Taman Lencongan 2, Kangar
- (vii) Dataran Rindu Alam, Kangar
- (viii) Taman Bunga Kertas Tuanku Lailatul Shahreen
- (ix) Taman Awam Bukit Lagi, Kangar
- (x) Dewan Majlis Perbandaran Kangar, Arau
- (xi) Taman Rekreasi, Sungai Batu Pahat
- (xii) Padang Sintetik Simpang Empat
- (xiii) Padang Bola MPK, Padang Besar

2) PENUTUPAN OPERASI PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

Arahan penutupan operasi premis-premis perniagaan adalah seperti berikut:

- (i) Penutupan Pasar Malam, Pasar Sehari dan Pasar Tani seluruh Negeri Perlis
- (ii) Penutupan semua jenis premis hiburan, Pusat Kecergasan dan Pusat Hiburan Keluarga
- (iii) Penutupan premis perniagaan lain yang tidak menawarkan penjualan barangan keperluan harian (barangan keperluan harian adalah peruncitan dan makanan)
- (iv) Bagi premis makanan hanya dibenarkan bagi jualan secara berbungkus (*take away*) sahaja. Pelanggan adalah tidak dibenarkan makan dan minum dalam premis makanan. Premis makanan dilarang menyaji makanan di premis tetapi dibenarkan menjual makanan yang dibungkus sahaja.

(v) Sementara bagi pasar basah dan pasar borong seperti di senarai di bawah adalah dibuka seperti biasa bagi tujuan penjualan bahan mentah makanan:

- Pasar Sena Kangar
- Pasar Borong Kangar
- Pasar Besar Arau
- Pasar Basah Kuala Perlis
- Pasar Basah Simpang Empat
- Pasar Basah Kaki Bukit
- Pasar Basah Padang Besar

3) PENUNDAAN TARIKH JUALAN BORANG BAZAR RAMADHAN 1441H/2020M ANJURAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

Tarikh jualan Borang Bazar Ramadhan anjuran MPKangar pada 24 Mac 2020 adalah ditunda kepada tarikh yang lain dan akan dimaklumkan kemudian.

4) PENUTUPAN PERKHIDMATAN KAUNTER / PEJABAT CAWANGAN

Semua urusan perkhidmatan kaunter di Pejabat Cawangan dan UTC adalah ditutup sementara mulai **18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020**. Semua operasi akan dipusatkan di Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kangar, Perlis dan hanya terhad kepada urusan yang melibatkan aspek penguatkuasaan, bantuan kecemasan, kebersihan dan kesihatan persekitaran, penyelenggaraan infrastruktur awam dan landskap serta kawalan keselamatan dan ketenteraman awam. Bagi sebarang urusan pembayaran, orang awam digalakkan untuk menggunakan kemudahan pembayaran

secara online melalui perbankan internet, PBTPay dan Jompay. Bilik Gerakan COVID-19 MPKangar dibuka di Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kangar, Perlis. Sebarang urusan, pertanyaan atau aduan awam, sila hubungi talian **04-9762188 / 019-4701597**.

**5) PELANJUTAN TARIKH TUTUP IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS**

Tarikh tutup iklan jawatan kosong di Majlis Perbandaran Kangar, Perlis yang dikeluarkan pada 16 Mac 2020 telah dilanjutkan dari 30 Mac 2020 kepada **06 April 2020 (Isnin)**, selewat-lewatnya jam 5.00 petang.

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

17 MAC 2020